

29/03/1997

Cari cara efektif tangani gejala sosial

Suraya Ahmad

GEJALA sosial tidak sepatutnya berlaku di negara kita yang aman dan damai. Apa yang menyedihkan remaja sekolah turut terbabit dalam penagihan dan pengedaran dadah.

Sebagai langkah awal, undang-undang perlulah digubal melarang remaja di bawah umur memasuki tempat yang dilarang. Mereka yang ditangkap hendaklah diberi khidmat nasihat.

Kebanyakan gejala sosial di negara ini membabitkan golongan remaja Melayu.

Perkara ini amat menyedihkan semua pihak terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Jadi saya tampil untuk memberi pandangan apa yang berlaku terhadap remaja kita kerana saya juga seorang remaja dan faham terhadap apa yang berlaku sekarang.

Mungkin pandangan saya ini dapat dijadikan salah satu cara untuk mengatasi gejala sosial. Pihak tertentu harus memeras otak untuk memikirkan cara yang lebih efektif terhadap remaja kita. Sebelum ini kerajaan mengadakan program Rakan Muda khas untuk remaja supaya bergiat dalam aktiviti yang lebih sihat.

Sambutan program ini memang mengalakkan tetapi program yang di jalankan tidak memberi kepuasan atau kesan yang mendalam terhadap remaja. Saya juga pernah mengikuti program Rakan Muda tetapi saya dapati kebanyakan remaja cepat jemu.

Ini kerana pada permulaan program ini, kami menganggap ia percuma. Selepas mengetahui kedudukan yang sebenar ramai remaja berpaling arah terhadap apa yang mereka bayangkan tidak seperti yang diharapkan. Kebanyakan ibu bapa tidak menggalakkan anak mereka mengikuti program itu yang memerlukan bayaran.

Di sini disarankan supaya program motivasi remaja dijalankan bersungguh-sungguh dan bukan seperti melepaskan batuk di tangga atau hangat-hangat tahi ayam.

Pada permulaannya ramai remaja ditangkap kemudian dilepaskan dengan ikat jamin. Masalah ini tidak selesai. Malah bertambah buruk.